

## Uniti Asia tubuh pusat inkubator usahawan produk halal

Sinar Harian Online

4 Oktober 2018



### Uniti Asia tubuh pusat inkubator usahawan produk halal

NORSHAHZURA MAT ZUKI  
4 OKTOBER 2018



Mohd Hatta (tengah) dan Jamal (empat, kiri) bersama wakil syarikat yang menandatangani MoU di majlis tersebut.

A- A+ (Ubah saiz teks)

**KUMPULAN** Uniti Asia (Uniti Asia) melalui anak syarikatnya, Uniti Office menjadi syarikat pertama di Malaysia menubuhkan pusat inkubator usahawan produk halal terletak di Menara Arina Uniti, Kuala Lumpur.

Presidennya, Datuk Jamal Mohd Amin berkata, ia ditubuhkan untuk membantu membimbing usahawan dan peniaga sehingga mampu mengeksport produk mereka ke luar negara.

Menurutnya, setakat ini, Uniti Asia mempunyai seramai 70 usahawan dalam pelbagai bidang yang sedang dibantu.

"Kami menjangkakan usahawan akan menggunakan kemudahan ini untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan di pasaran tempatan dan luar negara.

"Antara syarikat berjaya menembusi pasaran Thailand ialah permainan kanak-kanak," katanya pada sidang media pelancaran Pusat Inkubator Usahawan Produk Halal, Produk Usahawan Unitioffice di Kuala Lumpur.

Hadir dan merasmikan pelancaran itu ialah Timbalan Menteri Usahawan, Dr Mohd Hatta Md Ramlil dan Pengurus Besar Teknologi Park Malaysia, Azrai Shuib.

Turut diadakan ialah beberapa memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani melibatkan pelbagai syarikat dan agensi bertujuan untuk melonjakkan jualan produk halal syarikat tempatan dan memperkenalkan produk tempatan dan luar negara.

Antara MoU yang ditandatangani ialah Dris Global Sdn Bhd bersama JC Scope Marketing, Uniti Trading bersama Teknologi Park Malaysia serta Uniti Marshal bersama Dinstar.

Turut diadakan pelancaran UNITI Office Business Group (UOBG) yang berperanan mewujudkan jaringan perniagaan dalam kalangan usahawan UNITI Office mengembangkan perniagaan mereka dan membantu usahawan-usahawan baharu.

Dalam pada itu Jamal memberitahu, Uniti Office juga menyediakan kemudahan pejabat virtual dan ruang pejabat yang moden, lengkap serta murah untuk membimbing usahawan dan peniaga sehingga mampu mengeksport produk mereka ke luar negara.

